

## **Analisis Teks Novel Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu *Dari Lembah Ke Puncak* berdasarkan Gagasan Persuratan Baru**

*Muhammad Zarif Hassan@Zulkifli, Mohd. Zariat Abdul Rani, Salmah Jan Noor Muhammad, Ab. Halim Mohamad*

### **Kata Kunci:**

**Kata Kunci: Gagasan Persuratan Baru Ilmu, Cerita, Paksi Naratif, Isian Cerita, Isian Wacana**



Download  
Full PDF

### **Abstrak:**

Kajian ini bertitik tolak daripada perbezaan dua khutub pandangan yang berbeza mengenai kualiti kandungan novel Dari Lembah ke Puncak (DLkP) yang merupakan salah satu daripada teks novel mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Di satu pihak, novel DLkP dianggap mengandungi “ilmu”, manakala di satu pihak yang lain adalah sebaliknya. Kesenjangan dua pandangan ini merupakan suatu permasalahan yang wajar dirungkai. Kajian ini menetapkan dua objektif utama iaitu menganalisis kandungan dan merumuskan kedudukan “ilmu” dalam novel DLkP berdasarkan *Gagasan Persuratan Baru*. Kajian ini menggunakan analisis teks (textual analysis) sebagai metodologi kajian dengan menerapkan Gagasan Persuratan Baru sebagai kerangka bacaan. Hasil dapatan kajian ini mengenal pasti bahawa keseluruhan penceritaan novel DLkP dibangunkan berdasarkan “cerita” (“Isian Cerita”) semata-mata dan bukannya “ilmu” (“Isian Wacana”). Oleh itu, pengkaji mengesyorkan agar PB wajar dijadikan sebagai kerangka bacaan alternatif dalam meneliti karya sastera yang dipilih sebagai teks mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, khusus bagi mengenal pasti kedudukan “ilmu” dalam sesebuah karya sastera.

### **Keywords:**

**Keywords: Genuine Literature, Knowledge, Story, Narrative Axis, Naratif Space, Discourse Content, Narrative Content**

### **Abstract:**

This study is based on the difference between two different points of view on the content quality of the novel *Dari Lembah ke Puncak* (DLkP) which is one of the Malay Literature novel texts. On the one hand, DLkP novels are considered to contain “knowledge”, while on the other hand it is the opposite. The gap between these two views is a problem that should be resolved. This study sets two main objectives, which are to analyze the content and formulate the position of “knowledge” in the DLkP novel based on Genuine Literature. This study uses textual analysis as a research methodology by applying Genuine Literature as a reading framework. The findings of this study identify that the entire narration of DLkP novels is developed based on “story” (“Narrative Content”) solely and not “knowledge” (“Discourse Content”). Therefore, the researcher recommends that PB should be used as an alternative reading framework in examining literary works selected as Malay Literature subject texts, specifically to identify the position of “knowledge” in a literary work.